



TEKS UCAPAN

**YBRS. ENCIK WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR**

BERSEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN ALAM SEKITAR
BIL.1/2023**

TARIKH : 12 JANUARI 2023 (KHAMIS)
MASA : 10.30 PAGI
TEMPAT : DEWAN BAIDURI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Dr.Norhazni Binti Mat Sari
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan);

Puan Mashitah binti Darus,
Pengarah Bahagian Udara yang turut menjalankan tugas sebagai
Timbalan Ketua Pengarah Operasi,

Pengarah-Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah EiMAS, Pengarah-
Pengarah Negeri,

Pegawai dan Pesara JAS yang diraikan hari ini,

Seterusnya semua warga Jabatan Alam Sekitar yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi yang mulia ini bagi menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.1 Tahun 2023 serta Majlis Persaraan Pegawai Tahun 2022.

UCAPAN SELAMAT TAHUN BAHARU

2. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2023 kepada semua warga JAS. Diharapkan pada tahun ini, semua warga JAS dikurniakan kesihatan yang baik dan dapat menjalankan tanggungjawab dan tugas-tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi serta bersungguh-sungguh supaya tahun 2023 ini akan menjadi lebih baik dari tahun sebelumnya.
3. Saya percaya semua warga JAS telah sedia maklum bahawa Jabatan kita sekali lagi menghadapi pertukaran profil Kementerian daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) ke Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) berikutnya perubahan tampuk kepimpinan pada bulan November 2022 yang lalu. Walaupun berlaku perubahan kementerian, JAS masih lagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab yang sama. Saya berharap semua warga JAS dapat mengekalkan komitmen dan tahap profesionalisme sedia ada dan membuktikan kecemerlangan Jabatan walau di mana sahaja kita berada dan di dalam apa juar situasi.

RANGKUMAN PENCAPAIAN TAHUN 2022

Tuan/ Puan, hadirin yang dihormati sekalian,

Izinkan saya mengimbas sedikit pencapaian tahun 2022 yang baru sahaja berlalu.

AKTIVITI PENGUATKUASAAN

4. Pada tahun 2022, sebanyak 19,097 pemeriksaan telah dilaksanakan di seluruh Negara ke atas pelbagai sektor industri termasuk premis-premis KKS, KG, PYDT(BT), kilang-kilang pembuatan dan loji rawatan kumbahan. Sebanyak 8,530 tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diambil ke atas premis yang gagal mematuhi peruntukan Akta tersebut, yang merangkumi 2,023 notis arahan, 6,375 kompaun dikeluarkan, 58 penahanan operasi kelengkapan, 2 kes dengan tindakan gantung lesen dan 68 kertas siasatan bagi tujuan pendakwaan. Bagi penguatkuasaan ke atas pelepasan dari kenderaan bermotor, sebanyak 5,856 operasi telah dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2022. Sejumlah RM15,073,431.09 kompaun telah dikeluarkan, manakala denda mahkamah adalah sebanyak RM3,736,800.
5. JAS juga telah melaksanakan operasi melalui Ops Gempur yang dijalankan secara besar-besaran dan lebih berfokus. Sebanyak 145 Ops Gempur telah dilaksanakan di seluruh Negara yang melibatkan 3,627 premis.
6. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 9,908 aduan telah diterima oleh JAS iaitu penurunan sebanyak 13.4% berbanding tahun 2021. Aduan-aduan tersebut meliputi aduan kecemasan dan berkepentingan awam seperti pencemaran sungai yang menyebabkan penutupan loji air dan pelupusan haram buangan terjadual. Aduan-aduan tersebut telah berjaya disiasat dan diselesaikan serta diambil tindakan perundangan. Syabas diucapkan kepada seluruh warga JAS yang berjaya menyelesaikan kes-kes aduan dalam tempoh piagam yang ditetapkan.

7. JAS juga telah berjaya memperoleh pensijilan semula MS ISO 9001:2015 bagi tempoh 25 Oktober 2022 hingga 21 Oktober 2025 bagi skop Pemprosesan Laporan EIA dan Penguatkuasaan Syarat – Syarat EIA. Kejayaan ini merupakan hasil usaha dan komitmen padu yang ditunjukkan oleh semua pihak. Pada masa yang sama, JAS turut komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti ke arah memenuhi kehendak semua pemegang taruh melalui pencapaian objektif kualiti selaras dengan pematuhan undang-undang. Dengan adanya ISO ini, kita dapat mempertahankan diri kita dari tohmahan yang mengatakan laporan EIA lambat diproses dan lain-lain serta dapat menunjukkan bahawa laporan EIA diproses dengan telus, mengikut garis panduan dan perundangan serta menunjukkan kita bekerja dengan profesional.

8. Pada tahun 2022 juga, cadangan pindaan terhadap AKAS 1974 berjaya dibentangkan. Cadangan pindaan AKAS 1974 Fasa 1 telah dibentangkan kepada Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2022. Walaupun ianya perlu dibentang semula berikutan pembubaran parlimen sebelum bacaan di Dewan Negara, maklumbalas dan sokongan *stakeholders* terhadap pindaan ini amat memberangsangkan. JAS berharap agar pindaan ini dapat dibentangkan semula kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan kadar segera bagi membolehkan undang-undang yang baharu berkuatkuasa dan seterusnya tindakan yang lebih tegas dapat diambil ke atas penjenayah-penjenayah alam sekitar.

PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan pada tahun 2022 telah mencipta sejarah buat Jabatan ini apabila buat julung kalinya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan mencemar duli dan menyempurnakan majlis perasmian sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022 peringkat kebangsaan yang diadakan di Kuantan Pahang pada 22 Oktober yang lalu. Anugerah Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Peringkat Kebangsaan 2020/2022 juga telah disampaikan kepada pemenang kategori Sekolah Menengah dan sekolah kebangsaan. Saya berharap standard dan prestij sambutan HASN ini dapat dikekalkan dan diteruskan di masa-masa akan datang.

10. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) juga telah mencatatkan jumlah ahli terkini seramai 168,929 ahli. Pelbagai aktiviti RAS telah berjaya dijalankan seperti *Enviro-cycling*, *Enviro-hiking*, *Plogging/KUDAH*, pembersihan pantai, pameran alam sekitar, *Plastic busters*, program penanaman pokok iaitu 1RAS 1Pokok yang melibatkan segenap lapisan masyarakat termasuklah pihak industri, pelajar institusi pendidikan tinggi, sekolah rendah, rakan strategik dan NGO. Harapan saya agar program RAS ini terus diperkujuh dari segi keahlian, aktiviti-aktiviti serta manfaat yang dapat dinikmati oleh sesiapa yang menjadi ahli RAS. Saya berharap bukan sahaja tuan-puan yang menjadi ahli RAS, malah ahli keluarga dan jiran-jiran tuan-puan pun boleh menjadi RAS.

11. Selain itu, hebahan maklumat berkaitan kesedaran alam sekitar kepada orang awam juga telah berjaya dipertingkatkan yang mana seramai 539,221 pengunjung telah mengakses laman portal JAS sepanjang tahun 2022. Manakala di media sosial JAS, pengikut Facebook JAS kini seramai 68,171, Instagram pula seramai 10,565 serta Twitter seramai 9,783 pengikut. Tren ini menunjukkan media sosial terus mendapat tempat dalam kalangan masyarakat yang mahukan maklumat yang pantas dan tepat. Saya menyeru semua pegawai supaya memastikan kejayaan siasatan kes-kes pencemaran untuk dipaparkan di laman media sosial jabatan bagi meningkatkan imej dan keberkesanan sistem penyampaian jabatan di mata rakyat. Kejayaan dan pencapaian ini juga wajar divideokan dan dimuat naik di laman Youtube supaya boleh ditonton pada bila-bila masa.

12. Saya berharap agar pelaksanaan CEPA dapat dipergiatkan lagi pada tahun ini. Sebaran maklumat di laman web dan media sosial mesti dipertingkatkan, lebih banyak video pendek, infografik, e-poster ataupun tik tok berkaitan peranan JAS seperti kawalan pencemaran air, kawalan pencemaran udara dan pengurusan buangan terjadual, pengawasan kualiti alam sekitar, program penguatkuasaan, input pembangunan dan CEPA. Hal ini penting supaya sebaran maklumat tersebut dapat disampaikan kepada semua peringkat umur dan lapisan masyarakat.

PELANCARAN PELAN STRATEGIK JAS 2021-2030 & PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN JAS 2021-2030

13. Pelan Strategik JAS 2021-2030 dan Pelan Strategik Pendigitalan JAS 2021-2030 telah dilancarkan oleh YB Menteri KASA pada 6 Oktober 2022. Pelan Strategik JAS 2021-2030 adalah perancangan arah haluan JAS dalam jangka pendek, sederhana dan panjang . Pelan Strategik JAS ini menekankan kepada misi untuk memelihara dan memulihara alam sekitar untuk keseimbangan dan kesejahteraan semua kehidupan.

14. Manakala Pelan Strategik Pendigitalan JAS 2021-2030 pula merupakan hala tuju strategik pendigitalan JAS yang dibentuk berdasarkan kepada hasil analisis persekitaran bisnes dan ICT JAS. Hala tuju ini menyokong perancangan strategik JAS dalam memberikan perkhidmatan pengurusan alam sekitar. Pelan Strategik Pendigitalan ini merangkumi empat teras strategik dalam tempoh sepuluh tahun serta disokong oleh 16 strategi, 50 program dan 113 aktiviti pendigitalan yang akan dipantau dari semasa ke semasa agar pelaksanaannya berada pada landasan tepat.

Hadirin dan hadirat sekalian,

AKTIVITI PENGURUSAN PEJABAT

15. Bagi pengurusan pejabat, prestasi perbelanjaan mengurus Jabatan Alam Sekitar (JAS) sehingga 31 Disember 2022 adalah 103.78% bersamaan RM118.74 juta. Manakala bagi prestasi perbelanjaan pembangunan sebanyak RM82,565,928.36 atau 98.56% telah dibelanjakan. Untuk pengurusan aset, buat pertama kalinya JAS

mencapai pemeriksaan melebihi 99% iaitu 99.8% bagi tahun 2022. Ini merupakan peningkatan daripada 98.6% pada tahun 2021. Diharapkan pada tahun 2023, iaanya dapat ditingkatkan kepada 100%.

16. Seperti yang kita semua sedia maklum juga, Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Disatukan telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri bagi membolehkan Kerajaan berbelanja sebahagian Anggaran Perbelanjaan bagi tempoh beberapa bulan sehingga Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 dibentang semula dan diluluskan pada bulan Februari kelak. Justeru itu, kerjasama semua Pengarah adalah dipohon untuk menyusun semula keutamaan perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang akan diluluskan dan menangguhkan pelaksanaan aktiviti yang tidak menyumbang kepada pencapaian *outcome* Jabatan.

17. Berdasarkan pencapaian memberangsangkan pada tahun 2022, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua pegawai JAS yang telah menunjukkan dedikasi tinggi dan memberikan komitmen padu dalam melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin.

AMANAT TAHUN BAHARU 2023

Hadirin warga JAS yang saya kasihi,

18. Pada 19 November 2022, Pilihanraya Umum ke 15 telah diadakan. Kemelut politik negara sedia ada sedikit sebanyak turut memberikan kesan kepada seluruh penjawat awam. Walaubagaimanapun, kita bersyukur kerana akhirnya Kabinet Malaysia telah berjaya dibentuk pada 9 Disember 2022. Sebagai penjawat awam, walau siapapun yang menjadi anggota pentadbiran, kita seharusnya bersifat neutral dan terus menjalankan tugas dan amanah tanpa sebarang prejudis.
19. Izinkan juga saya memetik ucapan daripada Ketua Setiusaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali pada 31 Disember 2022. Dalam ucapannya, beliau memohon semua pihak supaya dapat mengetepikan perbezaan dan mengukuhkan titik persamaan sebagai satu pasukan yang membawa aspirasi kemakmuran negara. Sinergi kerjasama yang erat di antara semua pihak baik dari pihak kerajaan, swasta dan juga rakyat adalah ramuan utama bagi memastikan kita bergerak dalam satu irama yang sama. Hadirnya tahun 2023 ini adalah dengan pelbagai harapan dan impian untuk negara kita terus maju sejahtera.
20. Ketua Setiausaha Negara juga turut menyeru anggota perkhidmatan awam supaya bersiap siaga, berdedikasi dan memberikan komitmen penuh dalam memastikan **islah atau pembaharuan digarap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat dilaksanakan.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

**MENDEPANI CABARAN DALAM MEMACU PEMBANGUNAN
LESTARI**

21. Sepanjang tahun 2022 yang lepas, Bahagian Penilaian sekali lagi telah menerima tampanan yang hebat terhadap keabsahan prosedur penilaian Laporan EIA dan perundangan berkaitan EIA yang dikuatkuasa oleh JAS sejak daripada tahun 1988, apabila suatu kelulusan Laporan EIA oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling telah dipertikai oleh orang-orang yang terkilan dengan membuat rayuan kepada Lembaga Rayuan. Orang-orang yang terkilan tersebut bukanlah mereka yang dinyatakan dalam Seksyen 34A, AKAS 1974 tetapi adalah terdiri daripada orang-orang awam dari kawasan yang berhampiran.
22. Rayuan ini dikhuatiri akan menjadi satu *trend* kepada orang awam yang tidak berpuas hati terhadap sesuatu cadangan projek pembangunan dijalankan tetapi menggunakan kajian-kajian yang telah dilaksanakan di dalam Laporan EIA yang diluluskan sebagai faktor utama atau platform untuk membuat rayuan bagi membantah cadangan projek tersebut. *Trend* ini juga mungkin bukan hanya setakat Laporan EIA sahaja namun berkemungkinan akan tersebar-luas untuk peraturan-peraturan yang lain di bawah AKAS 1974.
23. Ini secara tidak langsung dilihat telah dan boleh mengganggu-gugat kredibiliti dan integriti Ketua Pengarah Alam Sekitar khasnya dan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar amnya apabila dipersoal dan dipertikaikan dalam membuat sesuatu keputusan.

24. Oleh itu tuan-tuan dan puan-puan, di tahun baharu 2023 yang mendatang ini saya menyeru dan menasihati agar semua pegawai Jabatan Alam Sekitar untuk memberi penekanan dan penelitian yang menyeluruh terhadap prosedur kerja dan juga pemakaian dan pematuhan terhadap mana-mana peruntukan di bawah AKAS 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya ketika menjalankan tugas.

25. Berkaitan hal ini juga, saya mengharapkan kita sentiasa membuat penambahbaikan secara berterusan dalam semua aspek pelaksanaan dan tanggungjawab serta skop kerja JAS supaya ianya dapat memenuhi tuntutan orang awam ke atas pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dari semasa ke semasa dan juga pada masa akan datang.

26. Sehubungan dengan itu, inisiatif penubuhan *think tank* di Bahagian-Bahagian, Ibu Pejabat telah dilaksanakan dengan matlamat utama untuk menangani isu-isu kritikal yang telah lama membenggu JAS. Saya amat berharap agar *Think Tank* JAS memainkan peranan yang penting dalam memastikan penyelesaian yang holistik dapat ditemui dan isu-isu kritikal serta berulang ini dapat menemui titik noktah setelah sekian lama ianya berlaku.

27. Selain itu, dari segi pengukuhan perjawatan Jabatan, saya serta pengurusan tertinggi Jabatan sentiasa berusaha ke arah untuk mendapatkan pertambahan bilangan perjawatan keanggotaan pegawai JAS supaya ianya sesuai dengan keperluan semasa serta beban tugas JAS mengambilkira penguatkuasaan punca tetap, punca bergerak, input pembangunan, CEPA dan lain-lain. Pada tahun 2022, beberapa siri perbincangan secara dalaman serta sesi libat urus bersama pihak Kementerian dan juga JPA telah diadakan. Pada tahun ini, satu sesi bengkel Pembinaan Model Perjawatan JAS akan diadakan bersama

pihak JPA bagi memperkuuhkan kertas kerja berkaitan pengukuhan perjawatan JAS. Usaha pengukuhan perjawatan JAS ini akan sentiasa diteruskan dan dipergiatkan sehingga hasrat kita selama ini bagi mengimbangkan beban tugas dengan bilangan keanggotaan pegawai JAS dapat direalisasikan. InsyaAllah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PELANCARAN SISTEM APLIKASI MOBIL MyDOE

28. Bagi menyokong agenda pendigitalan, aspek promosi dan publisiti hendaklah digiatkan. JAS telah membangunkan pelbagai sistem bagi meningkatkan penyaluran maklumat dan data, justeru itu saya menyeru semua Bahagian dan JAS Negeri mempelbagaikan *platform* saluran promosi khususnya supaya agenda pendigitalan JAS ini sampai ke kumpulan sasar dengan berkesan, terurus, berstruktur dan konsisten.

29. Saya mengambil kesempatan hari ini juga untuk melancarkan Aplikasi Mobil JAS yang terkini iaitu MyDOE iaitu sebuah platform perkongsian maklumat mengenai JAS kepada orang awam yang terdiri daripada maklumat perundangan, garis panduan, standard kualiti (termasuk kalkulator IKA/IKAT), statistik, borang dan tips alam sekitar serta ia membolehkan pegawai JAS atau orang awam merujuk kepada buku akta secara *paperless* tanpa perlu membawa buku tersebut ke mana-mana. Kita akan saksikan video montaj MyDOE di akhir sesi ini.

KESELAMATAN SIBER

30. Tidak lupa saya ingin mengingatkan semua warga JAS, dalam dunia digital, semakin banyak kita menggunakan Internet, aspek keselamatan siber perlu dipertimbangkan. Pada masa ini terdapat pelbagai isu jenayah siber seperti pengodaman, penipuan dalam talian seperti scam, pengubahsuaian program atau data komputer, pencurian maklumat dan lain-lain yang perlu kita cakna bersama. Kita perlu ingat, di luar sana juga terdapat orang yang mungkin berniat jahat, atau mencuba-cuba jadi jahat untuk meruntuhkan sistem ICT yang Kerajaan bangunkan. Justeru itu, Pelan Keselamatan Siber yang disediakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan amalan baik keselamatan siber wajar dipatuhi dan diamalkan.

Tuan/Puan warga JAS yang dihormati,

MENGURUSKAN PERSEPSI AWAM DAN MELESTARI BUDAYA INTEGRITI SEKTOR AWAM

31. Isu melibatkan akauntabiliti dan integriti dalam kalangan penjawat awam sering diperkatakan oleh masyarakat. Isu penyalahgunaan kuasa, pembaziran, rasuah, ponteng kerja dan sebagainya sering menjadi bahan perbualan khususnya di media sosial. Walaupun mungkin benar ada dilakukan oleh segelintir penjawat awam, tempiasnya tetap terkena keseluruhan sektor kerajaan.

32. Dalam hal ini, budaya kerja berintegriti berkait rapat dengan isu-isu etika dan nilai murni. Justeru itu, saya berharap warga JAS menjadi penjawat awam yang membudayakan nilai-nilai murni dan mematuhi kod etika yang telah dikuatkuasakan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

33. Untuk makluman, pelbagai aduan integriti telah diterima melalui pelbagai saluran seperti melalui Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Biro Pengaduan Awam (BPA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sebahagian aduan adalah berasas dan sebahagiannya tidak berasas.

34. Secara ringkasnya, boleh dikatakan aduan-aduan berkenaan sebahagian daripadanya **berpunca daripada persepsi orang awam terhadap Jabatan**. Boleh jadi persepsi itu berpunca daripada **orang awam yang tidak jelas akan fungsi dan limitasi bidang kuasa Jabatan**, atau **mungkin susulan respon pihak JAS terhadap aduan pencemaran yang telah diadukan yang tidak mencapai keinginan pengadu atau tindakan penguatkuasaan yang dilihat lemah pada persepsi orang awam** atau pelbagai kemungkinan lain yang menjadi punca persepsi negatif terhadap pegawai JAS.

35. Kita sedia maklum bahawa, persepsi awam adalah di luar kawalan Jabatan **namun ianya boleh dan perlu diuruskan**. **Persepsi negatif perlu ditepis dan dalam masa yang sama Jabatan perlu berusaha untuk membina persepsi positif di kalangan masyarakat terhadap Jabatan**. Justeru, bagi menguruskan persepsi awam secara khususnya ke arah melestarikan kelangsungan amalan pembudayaan integriti dalam perkhidmatan awam, empat perkara berikut perlu diamalkan oleh warga JAS :

- i. Pertama, mengikhlaskan niat dalam melaksanakan kerja yang dipertanggungjawabkan dan diamanahkan bagi mendapatkan keredhaan Allah SWT;
- ii. Kedua, menjadikan integriti dan amalan tadbir urus sebagai nilai utama dalam pekerjaan dan elemen penting dalam pengurusan organisasi; dan
- iii. Ketiga, meningkatkan iltizam untuk bekerja bersungguh-sungguh bagi memberikan hasil yang berkualiti dan memberi manfaat. Setiap pegawai perlu bersikap profesional, proaktif dan kreatif dalam melaksanakan tugas khususnya dalam menangani sebarang masalah/ isu berbangkit.
- iv. Keempat, menjauhkan diri dari sifat-sifat mazmumah seperti menjadikan umpatan dan berpuak-puak itu sebagai norma dalam waktu bekerja, menyeleweng, salah guna kuasa, menipu, terlibat dalam rasuah dan sebagainya dalam pekerjaan.

36. Saya percaya dan yakin setiap daripada kita mampu untuk bekerjasama dalam membudayakan perkara-perkara ini. Keseronokan di tempat kerja akan wujud dengan sendirinya apabila masing-masing mengamalkan nilai-nilai murni khususnya empat perkara yang saya nyatakan di atas.

MAJLIS PERSARAAN DAN ANUGERAH LAMA BERKHIDMAT

Tuan/puan hadirin yang dihormati sekalian,

37. Pada hari ini juga, kita berkesempatan untuk sama-sama meraikan pegawai-pegawai JAS yang telah bersara pada tahun 2022 serta mereka yang telah lama berkhidmat. Untuk makluman semua, seramai 26 pegawai JAS telah bersara wajib atau memilih untuk bersara pilihan pada tahun 2022. Manakala 44 orang daripada pegawai JAS akan menerima Anugerah Lama Berkhidmat iaitu bagi mereka yang telah berkhidmat bagi tempoh melebihi 25 tahun.

38. Saya yakin bahawa tuan/puan telah tahu bahawa salah seorang daripada penerima Anugerah Lama Berkhidmat adalah Allahyarhamah Puan Haslina binti Hashim, Penolong Pegawai Kawalan Gred C38 yang baharu sahaja meninggalkan kita kerana kemalangan jalan raya pada 4 Januari yang lalu. Sama-samalah kita mendoakan agar roh beliau dan semua rakan-rakan yang telah pergi mendahului kita ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

39. Bagi tuan/puan, pesara serta semua warga JAS, saya dan seluruh warga JAS ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi perhargaan di atas segala sumbangan, khidmat bakti serta jasa yang telah tuan/puan curahkan sepanjang berkhidmat di sini. Saya mengharapkan hubungan baik antara kita semua tetap kekal terpelihara dan tuan/puan tidak keberatan untuk berkongsi pengalaman, pendapat dan pandangan sekiranya diperlukan, demi kesejahteraan dan kelestarian alam sekitar yang kita cintai ini.

PENUTUP

Hadirin dan Hadirat sekalian,

40. Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga JAS di atas kerjasama dan komitmen yang telah tuan/ puan tunjukkan sepanjang tahun 2022. Saya juga berharap dengan kehadiran tahun baharu 2023 ini, semua warga JAS dapat mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara supaya alam sekitar negara kita lebih terpelihara.

41. Ucapan ribuan terima kasih juga kepada pihak urus setia terutamanya warga kerja Bahagian Pentadbiran & Kewangan serta semua yang terlibat di dalam penganjuran perhimpunan pada kali ini. Saya sudahi ucapan saya pada kali ini dengan lafaz ;

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh. Terima kasih.